

Peniaga online wajar daftar dengan SSM

Oleh RIZAM ZAKARIA dan NURUL FAIQAH ABD RAHMAN

JIKA sebelum ini internet merupakan medium mencari informasi dan bahan kajian, namun seiring peredaran zaman kini ia bertindak sebagai 'alat' penting dalam kehidupan moden.



Selain memudahkan tugas harian hanya di hujung jari, nampaknya internet semakin menjadi pilihan orang ramai untuk melakukan urusan jual beli secara dalam talian (online).

Melihat penggunaan internet yang semakin berkembang secara tidak langsung melahirkan ramai usahawan online bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Menurut Ketua Seksyen Pengurusan Pelanggan, Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Mohd. Rosly Mat Isa (**gambar kecil**), perniagaan online mula menjadi trend masa kini kerana ia mudah, cepat dan terus berkembang dari semasa ke semasa.

"Selain itu, usahawan online juga dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu menyewa premis mahupun kios serta mengupah tenaga kerja yang ramai," jelasnya ketika menyampaikan taklimat pada forum keusahawanan program SSM-ONE2015 di pusat beli-belah The Curve, Petaling Jaya, Selangor.

SSM-ONE2015 yang bertemakan "Be The One" merupakan projek perintis keusahawanan anjuran SSM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Ia telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Hasan Malek.

Pengumuman program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai perniagaan bisnes online dan berkongsi maklumat kepada usaha-



HASAN (tiga dari kiri) sewaktu merasmikan program SSM-ONE2015 pada 5 Jun lalu. Turut kelihatan Rohani (empat dari kanan) dan Zahrah (kiri).

wan mengenai prosedur mendaftar syarikat dengan SSM.

Dalam pada itu, Hasan memberitahu, KPDNKK tidak akan berkompromi terhadap usahawan online tempatan yang masih degil dan gagal mendaftar perniagaan dengan SSM.

SSM akan mengambil tindakan mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan (APP) 1956. Ia boleh membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pihak SSM akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi APP 1956, selepas notis amaran dan notis kompaun dikeluarkan.

"Sepatutnya mana-mana pihak yang ingin memulakan perniagaan, mereka sudah sedia maklum prosedur dan peraturan bahawa setiap perniagaan perlu berdaftar di bawah SSM," jelas Hasan.

Menurut Hasan, amaran tersebut bukanlah bentuk hukuman atau cubaan untuk menutup periuk nasi usahawan online sebaliknya sebagai usaha melindungi

pengguna daripada menjadi mangsa penipuan peniaga tamak.

Turut hadir pada program SSM-ONE2015 ialah Menteri KPWK, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Zahrah Abd Wahab Fener dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Datuk Munirah Abdullah Bajanuddin.

Bagi, Siti Norfaraheen Jamil, 24, program SSM-ONE2015 merupakan platform terbaik buat usahawan online mengetahui selok-belok dan cara menjalankan perniagaan dengan cara yang betul.

"Seperti yang kita lihat, masyarakat pada hari ini lebih cenderung menjalankan bisnes online kerana ia cepat dan mudah.

"Namun, bagi memastikan pelanggan percaya kepada khidmat dan produk yang ditawarkan sebab itu amat penting golongan usahawan mendaftar dengan SSM," ujarnya ketika ditemui *Aspirasi Pengguna*.

Pada program tersebut turut diadakan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara SSM dan JPW dalam usaha menjalinkan kerjasama bagi meningkatkan keupayaan golongan wanita dalam bidang keusahawanan.



PIHAK SSM turut membuka kaunter bagi memudahkan mereka yang ingin mendaftar perniagaan.

INFO Perniagaan Internet

- Perniagaan yang dijalankan melalui internet hendaklah didaftarkan dengan SSM

- Perniagaan internet merangkumi semua urusan perniagaan atau jualan yang dilakukan menggunakan internet sebagai perantara di antara penjual dan pembeli

CARA mendaftar perniagaan internet

- Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana kaunter SSM tidak lewat 30 hari dari tarikh permulaan perniagaan

- Perniagaan boleh didaftarkan menggunakan nama sendiri atau nama tred

- Borang permohonan boleh dihantar oleh pemilik perniagaan atau salah seorang rakan kongsi

- Jumlah fi yang dikenakan bagi setiap pendaftaran ialah RM60 setahun jika menggunakan nama tred atau RM30 setahun jika menggunakan nama sendiri

Maklumat lanjut SSM

Alamat:
Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5 Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur
Tel: 03-2299 4400
Web: www.ssm.com.my
E-mel: enquiry@ssm.com.my



PROGRAM SSM-ONE2015 menghimpunkan kumpulan usahawan online dari seluruh negara.



PENIAGA Mazwati Mohamad menunjukkan kuih raya yang dijual di program SSM-ONE2015 anjuran SSM dan KPWK.



FADZLAINI Ibrahim antara usahawan yang menyertai program SSM-ONE2015 di pusat beli-belah The Curve, Damansara Utama, Petaling Jaya, Selangor.